

P.U. (A) 415.

AKTA RUMAH PENYEMBELIHAN (PENSWASTAAN) 1993

KAEDAH-KAEDAH RUMAH PENYEMBELIHAN (FI) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 11(2)(f) Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 [*Akta 507*], Menteri membuat kaedahkaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1.(1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Rumah Penyembelihan (Fi) 2005.**

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 20 Oktober 2005.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“karkas” ertinya badan mana-mana haiwan yang disembelih selepas pendarahan, pengasingan kulit dan eviserasi semua organ dalaman penghadaman, pernafasan, peredaran, pengumuhan dan pembiakan;

“kawasan kurungan” ertinya suatu ruang sama ada bertutup atau tidak bertutup yang disediakan oleh pengendali berlesen untuk menempatkan atau menahan haiwan sebelum disembelih bagi suatu tempoh yang tidak melebihi empat puluh lapan jam atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang diarahkan oleh sesuatu pihak berkuasa veterinar;

“membelah karkas” ertinya membahagikan karkas memanjang sama ada secara mekanikal atau manual pada tulang belakang dari tulang punggung ke kepala;

“pengguna berdaftar” ertinya seseorang atau kumpulan orang, firma atau syarikat yang didaftarkan di bawah kaedah 3 untuk membawa haiwan ke rumah penyembelihan untuk disembelih;

“penyembelihan”—

- (a) berhubung dengan haiwan selain babi, ertinya menyebabkan pendarahan, pemisahan kepala, belulang atau kulit, visera (sama ada termasuk atau tidak termasuk ginjal), organ genital, pundi kencing dan kaki hingga ke sendi karpus dan tarsus dan kelenjar susu bagi haiwan yang mengeluarkan susu tetapi tidak termasuk membasuh dan membersihkan perut dan usus dan membelah karkas;

- (b) berhubung dengan babi, ertinya menyebabkan perdarahan dan pembuangan bulu dan bulu kejur, kuku, kelopak mata, visera (sama ada termasuk atau tidak termasuk ginjal), organ genital dan pundi kencing tetapi tidak termasuk membasuh dan membersihkan perut dan usus dan membelah karkas;

“penyembelihan kecemasan” ertinya penyembelihan yang terpaksa dilakukan pada haiwan yang cedera parah atau dalam sesuatu keadaan lain yang menghendaki haiwan itu disembelih dengan serta-merta.

Permohonan untuk menjadi pengguna berdaftar

3. (1) Mana-mana orang atau kumpulan orang, firma atau syarikat boleh memohon untuk didaftarkan sebagai pengguna berdaftar dengan mengemukakan borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa dan membayar fi yang dinyatakan dalam Jadual I.

(2) Ketua Pengarah boleh meluluskan atau, tanpa memberikan apa-apa sebab, menolak mana-mana permohonan dan boleh mengenakan apa-apa syarat berkenaan dengan pendaftaran itu.

Fi yang hendak dikenakan oleh pengendali berlesen

4. (1) Fi yang hendak dikenakan oleh pengendali berlesen bagi perkhidmatan dan kemudahan yang digunakan oleh pengguna berdaftar hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual II.

(2) Fi yang hendak dikenakan oleh pengendali berlesen bagi perkhidmatan dan kemudahan di bawah butiran 2 dalam Bahagian I dalam Jadual II hendaklah berdasarkan kepada sistem penyembelihan yang dikendalikan di rumah penyembelihan sebagaimana yang dikategorikan dalam Jadual III.

Penyembelihan kecemasan

5. Fi yang hendak dikenakan oleh pengendali berlesen bagi penyembelihan kecemasan yang digunakan oleh pengguna berdaftar hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual IV sebagai tambahan kepada apa-apa fi yang kena bayar di bawah kaedah 4.

Pembatalan

6. Kaedah-Kaedah Rumah Penyembelihan (Fee) 1994 [*P.U. (A) 130/1994*] dibatalkan.

JADUAL I
[Subkaedah 3(1)]

FI BAGI PENDAFTARAN SEBAGAI PENGGUNA BERDAFTAR

Lembu/Kerbau	RM20.00	setahun
Kambing/Biri-biri	RM20.00	setahun
Babi/Babi Betina	RM20.00	setahun

JADUAL II

[Subkaedah 4(1) dan (2)]

FI YANG KENA DIBAYAR OLEH SESEORANG PENGGUNA BERDAFTAR

BAHAGIAN I

Perkhidmatan/kemudahan asas yang diwajibkan

PERKHIDMATAN / KEMUDAHAN	JENIS BINATANG DAN FI YANG KENA DIBAYAR (RM)				
	Lembu/Kerbau	Kambing / Biri-biri	Babi		
			(pedaging)	(Betina/Jantan)	(Anak Babi)
1. Penggunaan kawasan kurungan haiwan (seekor sehari)	1.00	1.00	1.00	1.00	Tidak berkenaan
2. Penyembelihan seekor					
(a) Kategori I	45.00	20.00	18.00	30.00	6.00
(b) Kategori II	25.00	18.00	14.00	25.00	Tidak berkenaan
(c) Kategori III	20.00	15.00	10.00	20.00	3.00
(d) Kategori IV	16.00	10.00	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan

PERKHIDMATAN / KEMUDAHAN	JENIS BINATANG DAN FI YANG KENA DIBAYAR (RM)				
	Lembu/Kerbau	Kambing / Biri-biri	Babi (pedaging)	Babi (Betina/Jantan)	Babi (Anak Babi)
3. Membersihkan perut dan usus (setiap set)					
(a) Mekanikal	5.00	4.00	2.00	5.00	1.00
(b) Manual	3.00	2.00	1.00	3.00	1.00
4. Pendingin asas					
(a) Maksimum 8 jam bagi setiap karkas	3.00	2.00	6.00	8.00	2.00
(b) Setiap jam tambahan bagi setiap karkas	5.00	5.00	5.00	10.00	3.00

BAHAGIAN II

Perkhidmatan/kemudahan lain yang diwajibkan

PERKHIDMATAN / KEMUDAHAN	JENIS KENDERAAN DAN FI YANG KENA DIBAYAR (RM)		
	Kenderaan yang mempunyai muatan kurang daripada 3 tan	Kenderaan yang mempunyai muatan 3 hingga 8 tan	Kenderaan yang mempunyai muatan lebih daripada 8 tan
Mencuci kenderaan, disinfeksi dan perkhidmatan pelupusan buangan - penggunaan air, disinkfektan dan upah melupuskan buangan	20.00	30.00	40.00

JADUAL III

[Subkaedah 4(2)]

KLASIFIKASI SISTEM PENYEMBELIHAN DI DALAM SESUATU RUMAH PENYEMBELIHAN

Sesuai rumah penyembelihan boleh diklasifikasikan kepada kategori yang berikut berdasarkan sistem penyembelihan:

1. Kategori I (Automatik)

1.1 Lembu/Kerbau

- (a) Sistem yang dikendalikan PLC ("Programmable Logic Controller")
- (b) *Stunner* elektrik automatik
- (c) Alat pemotong mekanikal kaki/tanduk
- (d) Mesin penanggal kulit/alat pelapah mekanikal
- (e) Pembelah brisket
- (f) Pembelah karkas
- (g) Mesin pembasuh babat
- (h) Mesin penimbang digital
- (i) Bilik pendingin asas

(j) Bilik pendingin penyimpanan

1.2 Biri-biri dan Kambing

(a) Sistem yang mengendalikan PLC (“Programmable Logic Controller”)

(b) *Restrainer* otomatis/*stunner* elektrik otomatis

(c) Alat pemotong mekanikal kaki/tanduk

(d) Mesin penanggal kulit/alat pelapah mekanikal

(e) Pembelah brisket

(f) Mesin pembasuh babat

(g) Mesin penimbang digital

(h) Bilik pendingin asas

(i) Bilik pendingin penyimpanan

1.3 Babi (Pedaging/Jantan/Betina)

(a) Sistem yang mengendalikan PLC (“Programmable Logic Controller”)

(b) *Restrainer* otomatis/*stunner* elektrik otomatis

(c) Konveyor automatik pendarahan

(d) Kabinet pembasuhan awal

(e) Tangki pelecur/pelecur vertikal

(f) Pembuang bulu automatik/mesin penggelupur

(g) Kabinet basuh

(h) Mesin *bunging*

(i) Pembelah automatik

(j) Alat penimbang digital atas rel

(k) Bilik pendingin asas

(l) Bilik pendingin penyimpanan

(m) Mesin pembasuh perut

(n) Mesin pembasuh usus

1.4 Anak Babi

(a) Rel

- (b) *Stunner* bervoltan rendah
- (c) Tangki pelecucur
- (d) Mesin penggelupur
- (e) Palung pembasuh
- (f) Alat timbang
- (g) Bilik pendingin asas

2. Kategori II (Separa Automatik)

2.1 Lembu/Kerbau

- (a) Rel graviti
- (b) *Stunner*
- (c) Alat pelapah mekanikal
- (d) Pembelah brisket
- (e) Pembelah karkas
- (f) Pembasuh babat secara manual
- (g) Mesin timbang digital
- (h) Bilik pendingin asas

2.2 Biri-biri dan Kambing

- (a) Rel graviti
- (b) *Stunner*
- (c) Alat pelapah mekanikal
- (d) Pembelah brisket
- (e) Pembasuh babat secara manual
- (f) Mesin timbang digital

2.3 Babi (Pedaging/Jantan/Betina)

- (a) Rel penjenteraan
- (b) Restrainer/*stunner*
- (c) Tangki pelecucur
- (d) Masin penggelupur
- (e) Kabinet pembasuh

- (f) Pembelah mekanikal
- (g) Alat timbang
- (h) Bilik pendingin asas
- (l) Mesin pembasuh perut
- (j) Mesin pembasuh usus

3. Kategori III (Penjenteraan)

3.1 Lembu/Kerbau

- (a) Rel graviti
- (b) Melapah secara manual
- (c) Pembelah brisket
- (d) Pembelah karkas
- (e) Membasuh babat secara manual
- (f) Mesin timbang

3.2 Biri-biri dan Kambing

- (a) Rel graviti
- (b) Melapah secara manual
- (c) Pembelah brisket
- (d) Membasuh babat secara manual
- (e) Mesin timbang

3.3 Babi (Pedaging/Jantan/Betina)

- (a) Rel graviti
- (b) Stunner
- (c) Tangki pelecur
- (d) Mesin penggelupur
- (e) Kabinet pembasuh
- (f) Membelah secara manual
- (g) Alat timbang
- (h) Membasuh perut secara manual
- (i) Membasuh usus secara manual

- 3.4 Babi (Anak Babi)
 - (a) Tong pelecur
 - (b) Palung pembasuh

4. Kategori IV (Manual)

- 4.1 Lembu/Kerbau
 - (a) Rel graviti
 - (b) Operasi melapah atas buaian
 - (c) Membelah brisket secara manual
 - (d) Membelah kaskas secara manual
 - (e) Membasuh babat secara manual

- 4.2 Biri-biri dan Kambing
 - (a) Rel graviti
 - (b) Melapah secara manual
 - (c) Membelah brisket secara manual
 - (d) Membasuh babat secara manual

JADUAL IV
FI PENYEMBELIHAN KECEMASAN
 (Kaedah 5)

Lembu/Kerbau	RM10.00 seekor
Kambing/Biri-biri	RM 8.00 seekor
Babi (Betina/Jantan)	RM10.00 seekor
Babi (Pedaging)	RM 8.00 seekor
Babi (Anak Babi)	RM 6.00 seekor

Dibuat 13 Oktober 2005
 [KP/LA/483/7/3; PN(PU²)534]

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani